

D.R. 3/90

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG SERI PAHLAWAN
GAGAH PERKASA (ELAUN KENANGAN) 1990

SUSUNAN FASAL

Tajuk

1. Tajuk ringkas.
2. Tafsiran.
3. Pemberian elaun kenangan.
4. Pemberhentian pemberian elaun kenangan.
5. Pemberian kepada wans kadim penerima jika Darjah Kebesaran dianugerahkan selepas kematian.
6. Pemberian kepada waris kadim penerima yang telah mati sebelum Akta mula berkuatkuasa.
7. Menteri mengagihkan amaun yang akan dibayar.
8. Elaun kenangan dan jumlah wang hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.
9. Elaun kenangan dan jumlah wang tidak boleh diserahkan, dsb.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai pemberian elaun kenangan kepada penerima-penerima Darjah Kebesaran Seri Pahlawan Gagah Perkasa dan untuk perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Sen Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan) 1990. Tajuk ringkas.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"anak" termasuklah anak tin dan anak yang diambil sebagai anak angkat, sebelum kematian penerima, di bawah mana-mana undang-undang bertulis, adat atau kelaziman;

"Darjah Kebesaran" ertinya Darjah Kebesaran Seri Pahlawan Gagah Perkasa yang dianugerahkan di bawah Statut Seri Pahlawan Gagah Perkasa (S.P.);

P.W.
3150/60.

"elaun kenangan" ertinya elaun kenangan yang diberikan di bawah subseksyen (1) seksyen 3;

"Menteri" ertinya Perdana Menteri;

'penerima" ertinya seseorang yang telah dianugerahkan Darjah Kebesaran;

"suami" atau "isteri" ertinya balu atau duda penerima yang mati yang perkahwinannya diiktirafkan di Malaysia sebagai suatu perkahwinan yang sah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, agama, adat atau kelaziman.

Pemberian
elaun
kenangan.

3. (1) Maka bolehlah diberi kepada seorang penerima suatu elaun kenangan sebanyak dua ratus ringgit sebulan, dan jika Darjah Kebesaran dianugerahkan kepada penerima itu lebih daripada sekali, maka bolehlah diberi kepadanya suatu elaun kenangan berasingan sebanyak dua ratus ringgit sebulan berkenaan dengan setiap Darjah Kebesaran yang dianugerahkan kepadanya, dan elaun itu hendaklah dibayar secara tunggakan tidak awal dari penghujung setiap bulan.

(2) Jika Darjah Kebesaran dianugerahkan sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini dan penerima masih hidup pada tarikh kuatkuasa itu elaun kenangan hendaklah dibayar secara kebelakangan kepada penerima, mulai dari bulan Darjah Kebesaran itu dianugerahkan kepadanya, tetapi tidak boleh lebih awal, dalam apa-apa keadaan, dari bulan Jun 1983.

(3) Jika Darjah Kebesaran dianugerahkan selepas mula berkuatkuasanya Akta ini, elaun kenangan hendaklah dibayar kepada penerima secara bulanan dengan tunggakan, mulai dari bulan bila Darjah Kebesaran itu dianugerahkan kepadanya.

Peraberen-
tian pem-
berian
elaun
kenangan.

4. (1) Pemberian elaun kenangan hendaklah terhenti—

(a) apabila penerima itu mati;

(b) apabila penerima itu disabitkan bagi suatu kesalahan oleh mahkamah undang-undang di dalam Persekutuan dan dikenakan hukuman

mati, atau dipenjarakan bagi apa-apa tempoh selain daripada dipenjarakan sebagai ganti pembayaran denda; atau

- (c) apabila penganugerahan Darjah Kebesaran itu dikenselkan atau dibatalkan mengikut seksyen VIII Statut Sen Pahlawan Gagah Perkasa,

dan tiada elaun kenangan boleh dibayar mulai dari bulan bila kematian itu berlaku, atau hukuman itu dikenakan, atau penganugerahan Darjah Kebesaran dikenselkan atau dibatalkan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Jika penerima menerima pengampunan bebas berkenaan dengan sabitan tersebut, atau jika Darjah Kebesaran yang dikenselkan atau yang dibatalkan itu diberi semula kepadanya, elaun kenangan hendaklah diberi semula kepadanya mulai dari bulan pengampunan bebas itu diterima atau pemberian semula Darjah Kebesaran itu dibuat.

S. (1) Jika Darjah Kebesaran telah dianugerahkan sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini kepada seseorang yang telah mati, maka bolehlah diberi suatu jumlah wang sebanyak dua puluh ribu ringgit hanya sekali—

Pemberian kepada waris kadim penerima jika Darjah Kebesaran dianugerahkan selepas kematian.

- (a) kepada suami atau isteri atau isteri-isteri dan anak-anak kepada penerima yang mati yang masih hidup pada tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini;
- (b) jika pada tarikh demikian tiada suami atau isteri atau anak yang masih hidup, kepada ibu bapanya atau ibunya atau bapanya yang masih hidup pada tarikh demikian; atau
- (c) jika pada tarikh demikian tiada ibu atau bapa yang masih hidup, kepada datuk neneknya atau datuknya atau neneknya yang masih hidup pada tarikh demikian.

(2) Jika Darjah Kebesaran dianugerahkan selepas mula berkuatkuasanya Akta ini kepada seseorang yang telah mati, maka bolehlah diberi suatu jumlah wang sebanyak dua puluh ribu ringgit hanya sekali—

- (a) kepada suami atau isteri atau isteri-isteri dan anak-anak kepada penerima yang mati yang masih hidup pada tarikh penganugerahan Darjah Kebesaran itu;
- (b) jika pada tarikh demikian tiada suami atau isteri atau anak yang masih hidup, kepada ibu bapanya atau ibunya atau bapanya yang masih hidup pada tarikh demikian; atau
- (c) jika pada tarikh demikian tiada ibu atau bapa yang masih hidup, kepada datuk neneknya atau datuknya atau neneknya yang masih hidup pada tarikh demikian.

Pemberian kepada waris kadim penerima yang telah mati sebelum Akta mula berkuatkuasa.

6. Jika Darjah Kebesaran telah dianugerahkan sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini dan penerima telah mati sebelum tarikh kuatkuasa itu, maka bolehlah diberi suatu jumlah wang sebanyak dua puluh ribu ringgit hanya sekali—

- (a) kepada suami atau isteri atau isteri-isteri dan anak-anak penerima yang mati yang masih hidup pada tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini;
- (b) jika pada tarikh demikian tiada suami atau isteri atau anak yang masih hidup, kepada ibu bapanya atau ibunya atau bapanya yang masih hidup pada tarikh demikian; atau
- (c) jika pada tarikh demikian tiada ibu atau bapa yang masih hidup, kepada datuk neneknya atau datuknya atau neneknya yang masih hidup pada tarikh demikian.

7. Amaun-amaun yang akan dibayar kepada suami atau isteri atau isteri-isteri, anak-anak, ibu bapa atau datuk nenek, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah seksyen 5 atau 6 hendaklah mengikut apa-apa perkadaran sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Menteri mengagihkan amaun yang akan dibayar.

8. Elaun kenangan dan jumlah wang yang diberikan di bawah Akta ini hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan Perselcutuan.

Elaun kenangan dan jumlah wang hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

9. Apa-apa elaun kenangan atau jumlah wang yang diberikan di bawah Akta ini tidaklah boleh diserahkan atau dipindahmilik, atau ditahan, diasingkan atau dilevi berkenaan dengan apa-apa tuntutan.

Elaun kenangan dan jumlah wang tidak boleh diserahkan, dsb.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai pemberian elaun kenangan kepada penerima-penerima Darjah Kebesaran Seri Pahlawan Gagah Perkasa dan untuk perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

1. *Fasal 2* mengandungi takrif beberapa istilah yang digunakan di dalam Rang Undang-Undang ini.

3. *Fasal 3* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai pemberian elaun kenangan sejumlah dua ratus ringgit sebulan kepada penerima Darjah Kebesaran Sen Pahlawan Gagah Perkasa. Elaun kenangan ini hendaklah dibayar secara kebelakangan mulai dari bulan Darjah Kebesaran itu dianugerahkan kepada penerima, tetapi tidak boleh lebih awal dari bulan Jun 1983.

4. *Fasal 4* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai pemberhentian pemberian elaun kenangan dan pemberian semula elaun kenangan apabila berlakunya perkara-perkara yang dinyatakan di dalamnya.
5. *Fasal 5* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai pemberian wang sejumlah dua puluh ribu ringgit sekali sahaja kepada waris kadim penerima jika Darjah Kebesaran Seri Pahlawan Gagah Perkasa telah dianugerahkan selepas kematian penerima.
6. *Fasal 6* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai pemberian wang sejumlah dua puluh ribu ringgit sekali sahaja kepada waris kadim penerima jika Darjah Kebesaran Sen Pahlawan Gagah Perkasa telah dianugerahkan kepadanya sebelum mula berkuatkuasa Rang Undang-Undang ini dan penerima telah mati sebelum tarikh tersebut.
7. *Fasal 7* memberi kuasa kepada Perdana Menteri untuk mengagihkan amaun-amaun yang akan dibayar kepada waris kadim penerima yang telah mati.
8. *Fasal 8* memperuntukkan bahawa elaun kenangan dan jumlah wang yang dibayar di bawah Rang Undang-Undang ini hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan, sementara *fasal 9* memperuntukkan bahawa elaun kenangan dan jumlah wang berkenaan tidaklah boleh diserahkan, dipindahmilik, dsb.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U^z) 1336.]